



Persepsi Pelajar Terhadap Kursus Akademik Keusahawanan: Kajian Empirikal

(Perceptions of Students Towards Entrepreneurship Academic Courses: An Empirical Study)

Nur Hannan Lokman^{1*}, Akmal Sabarudin², Muhamad Azry Khoiry³

Noor Azuddin Yakob⁴, Nahzatush Simaa Jantan⁵

Alis Syazmim Abdul Halim⁶, Nurul Ashikin Zainuridin⁷

¹Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-CESMED), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: nurhannan@ukm.edu.my

²Program Pengimejan Diagnostik & Radioterapi, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kampus Jalan Raja Muda Abd Aziz, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: akmal.sabarudin@ukm.edu.my

³Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia;

Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-CESMED), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: azrykhoiry@ukm.edu.my

⁴Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-CESMED), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: cmaa@ukm.edu.my

⁵Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-CESMED), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: azuddin@ukm.edu.my

⁶Pusat Inovasi & Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKMTM), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: alissyazmim@ukm.edu.my

⁷Pusat Pembangunan Karier UKM (UKM-Karier), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: nurul_ashikin@ukm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Muhamad Azry Khoiry
(azrykhoiry@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Pendidikan keusahawanan
Kursus akademik
Persepsi
Pelajar

KEYWORDS:

Entrepreneurship education
Academic courses
Perception

Pendidikan keusahawanan telah diperkenalkan sejak dulu lagi di institusi pendidikan bagi melahirkan graduan yang mempunyai pemikiran keusahawanan. Silibus dan kandungan di dalam kursus akademik keusahawanan perlu sentiasa relevan mengikut arus semasa. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti persepsi pelajar prasiswazah terhadap kursus akademik keusahawanan yang ditawarkan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Seramai 115 orang pelajar prasiswazah yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati persepsi pelajar terhadap kursus tersebut adalah tinggi. Tambahan lagi, analisis korelasi Spearman Rho menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara persepsi dengan niat keusahawanan manakala latar belakang keluarga pelajar mempengaruhi niat menjadi usahawan. Namun begitu,

Students

tiada perbezaan signifikan niat keusahawanan antara pelajar lelaki dan perempuan.

CITATION:

Nur Hannan Lokman et al. (2022). Persepsi Pelajar Terhadap Kursus Akademik Keusahawanan: Kajian Empirikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001911.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1911>

ABSTRACT

Entrepreneurship education has been introduced in educational institutions to produce graduates with an entrepreneurial mindset. The syllabus and content of entrepreneurship academic courses should always be relevant according to current trends. Therefore, this study was conducted to identify undergraduate students' perceptions of entrepreneurship academic courses offered at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). A total of 115 undergraduate students were involved in this study. The findings of the study found that students' perception of the course was high. Furthermore, the Spearman Rho correlation analysis shows that there is a significant relationship between perception and entrepreneurial intention while the student's family background influences the intention to become an entrepreneur. However, there is no significant difference in entrepreneurial intentions between male and female students.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini boleh menjadi panduan kepada pihak universiti untuk meningkatkan lagi keberkesanan dalam kursus akademik keusahawanan bagi melahirkan lebih ramai graduan yang mampu mencipta pekerjaan pada masa hadapan.

1. Pengenalan

Sejak dari era pasca kemerdekaan sehingga kini, pelbagai pembaharuan yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam sistem pendidikan Malaysia agar sesuai dan memenuhi keperluan semasa. Perubahan ini adalah agar kualiti dan produktiviti Malaysia sentiasa meningkat dan tidak ketinggalan arus semasa. Menurut [Judeh dan Rahim \(2006\)](#), pembaharuan sentiasa dilakukan bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan menyediakan pendidikan bertaraf dunia di negara ini. Menurut artikel oleh [Judeh dan Rahim \(2006\)](#) lagi, bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang penting bagi sesebuah negara supaya masyarakat dapat mencipta pekerjaan sendiri dan budaya makan gaji dapat dikikis dalam kalangan masyarakat.

Perkara ini dapat dilihat lagi menerusi Pelan Tindakan Keusahawanan di IPT 2016-2020 yang menyatakan bahawa pendidikan dan keusahawanan adalah dua aspek utama dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi dan inklusif dan diperbaharui lagi melalui Pelan Tindakan Keusahawanan PTK-IPT 2021-2025. Untuk merealisasikan perkara ini, pelajar-pelajar di IPT perlu diterapkan dengan kemahiran keusahawanan. Tambahan lagi, mereka merupakan aset negara yang dapat mencorakkan negara pada masa hadapan. Pelajar kini mempunyai pelbagai kepakaran daripada segi ilmu pengetahuan yang dipelajari di peringkat tinggi dan ilmu tersebut sangat berguna jika dapat disalurkan ke arah yang betul dan boleh dimanfaatkan oleh generasi lain ([Amran & Seman, 2021](#)). Suntikan dan galakan daripada orang sekeliling ke arah keusahawanan perlu diberikan kepada mereka kerana mereka berpotensi menjadi usahawan yang berjaya.

Institut Pengajian Tinggi (IPT) memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu dalam melahirkan lebih ramai usahawan (Aziz et al., 2018). Hal ini demikian kerana di peringkat universiti, subjek keusahawanan telah dijadikan subjek yang perlu dipelajari oleh pelajar sama ada yang mengambil bidang perniagaan atau luar bidang tersebut. Menurut Aziz et al. (2018), usaha menjadi usahawan melalui pendidikan dapat meningkatkan keboleherjaan graduan, menyelesaikan masalah pengangguran anak muda, meningkatkan tahap sosial dan ekonomi masyarakat serta merapatkan jurang antara orang kaya dan miskin.

Sejak dari dahulu lagi, pendidikan keusahawanan telah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan negara. Chum et al. (2010) ada menyatakan dalam artikelnya bahawa pendidikan keusahawanan telah berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat dan mengubah sikap dan konsep pelajar sehingga menjadi lebih aktif dalam bidang keusahawanan. Walaupun begitu menurut Din et al. (2016), keberkesanan subjek pendidikan keusahawanan di institusi masih lagi dipersoalkan berikutan ciri-ciri keusahawanan pelajar yang berada pada tahap yang rendah. Perkara ini juga dipersetujui oleh Ibrahim et al. (2016) yang menyatakan kecenderungan menjadi usahawan dalam kalangan pelajar juga rendah.

Hal ini selari dengan isu dan cabaran yang ditekankan dalam Pelan Tindakan Keusahawanan PTK-IPT 2021-2025 oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berkenaan keperluan untuk merombak kurikulum keusahawanan. Universiti perlu mencari cara untuk memperbaiki hasil atau pencapaian pelaksanaan kokurikulum dan kurikulum dalam subjek keusahawanan supaya tidak hanya berfokus kepada aktiviti yang sedia ada (Haron & Idris, 2010). Sehubungan dengan itu, untuk memperbaiki hasil atau pelaksanaan kursus akademik keusahawanan, satu kajian awal perlu dilaksanakan. Hal ini demikian kerana untuk mencari jalan penyelesaian, punca masalah perlu diperoleh terlebih dahulu. Pandangan ini dipersetujui oleh pegawai dan pensyarah yang terlibat dengan kursus akademik keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Tambahan lagi, kajian seperti ini diperlukan bagi memastikan bahawa kursus akademik keusahawanan menepati kehendak pelajar serta menepati kesesuaian kursus yang ditawarkan atau proses pelaksanaan kursus tersebut (Othman, 2002). Justeru, matlamat utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kursus akademik keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

1.1. Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kursus akademik keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Antara objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk meninjau persepsi pelajar UKM terhadap kursus akademik keusahawanan di UKM.
- ii. Untuk menentukan perkaitan persepsi pelajar terhadap kursus akademik keusahawanan dengan minat ke arah keusahawanan dalam diri pelajar.
- iii. Untuk menentukan perkaitan latar belakang keluarga dengan minat ke arah keusahawanan.

- iv. Untuk menentukan perbezaan persepsi terhadap kursus akademik antara pelajar lelaki dan perempuan.

2. Sorotan Literatur

Usahawan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat telah ditakrifkan sebagai orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Manakala istilah di dalam Bahasa Inggeris adalah '*entrepreneur*'. Istilah ini menurut Abu Bakar et al. (2010) berasal daripada Bahasa Perancis iaitu '*entreprendre*' yang memberi maksud memikul tugas atau mencuba. Dalam Bahasa Melayu, istilah usahawan berasal daripada perkataan usaha yang sinonim dengan ikhtiar, perbuatan dan lain-lain. Abu Bakar et al. (2010) menyatakan di dalam kajiannya bahawa individu yang memiliki ciri-ciri ini dikaitkan dengan ciri-ciri keusahawanan iaitu daya usaha, motivasi, kreativiti, kepercayaan pada diri sendiri serta keupayaan mengambil risiko yang mana ia menyerlahkan lagi seorang usahawan.

Menurut Aziz et al. (2018), antara orang terawal mengeluarkan definisi usahawan ialah Richard Cantillon yang juga digelar bapa keusahawanan. Kiyani (2017) pula menyatakan dalam kajiannya bahawa keusahawanan adalah ejen ekonomi yang sentiasa berkembang ke arah pembangunan ekonomi dan dianggap sebagai peristiwa yang penting. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui keusahawanan, banyak peluang pekerjaan dapat dicipta setiap hari seterusnya memberi sumbangan kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat. Perkara ini selari dengan definisi keusahawanan yang dikeluarkan oleh Aziz et al. (2018) yang menyatakan bahawa keusahawanan adalah satu peluang untuk mewujudkan barangan dan perkhidmatan masa depan yang boleh diterokai dan dinilai.

Oleh yang demikian, keusahawanan sangat penting kepada sesebuah negara. Salah satu usaha pihak kerajaan untuk memartabatkan keusahawanan dalam setiap lapisan masyarakat adalah melalui pendidikan. Pendidikan keusahawanan sudah tidak asing lagi di Malaysia. Pittaway dan Cope (2007) menjelaskan bahawa pendidikan keusahawanan merupakan satu mekanisme untuk menyediakan pelajar ke arah ekonomi moden, di mana untuk menerapkan kemahiran perniagaan dalam diri mereka di samping meningkatkan kebolehpasaran pekerjaan. Pendidikan keusahawanan bukan sahaja mengajar seseorang untuk menjalankan perniagaan, malah ianya adalah untuk melatih individu berfikiran kreatif di samping meningkatkan keupayaan diri (Consortium for Entrepreneurship Education, 2008).

Selain itu, pengetahuan asas seperti keupayaan mengenal pasti dan mencapai peluang, menghasilkan idea baharu dan mendapatkan sumber yang diperlukan boleh diperolehi melalui pendidikan keusahawanan (Lame & Yusoff, 2013). Bagi Li (2011) pula pendidikan keusahawanan dapat membentuk sikap keusahawanan dalam diri individu yang berpotensi menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Perkara ini selari dengan pernyataan oleh Souitaris et al. (2007) yang menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan boleh menjadi faktor kepada sikap keusahawanan dan niat keseluruhan untuk menjadi usahawan. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Linan et al. (2011). Dalam kajian tersebut, penyelidik menyatakan bahawa potensi utama pelajar memilih usahawan sebagai kerjaya adalah melalui pendidikan yang ditawarkan oleh universiti.

Minat ke arah keusahawanan dalam kajian ini merujuk kepada kecenderungan pelajar untuk mempelajari atau meneroka bidang keusahawanan. Minat merupakan kecenderungan individu terhadap tingkah laku persekitaran (Othman & Misman, 2015). Menurut Hisrich et al. (2008) pula, minat digambarkan sebagai dorongan yang mempengaruhi individu untuk meneruskan sesuatu dalam keusahawanan. Dengan adanya minat dalam diri individu, membolehkan mereka berusaha sedaya upaya untuk mencapai sesuatu yang diinginkan. Dengan erti kata lain, jika minat seseorang semakin berkurangan, ia akan mempengaruhi kesungguhan dalam diri dan seterusnya akan merendahkan prestasi pencapaiannya dalam sesuatu bidang (Yazid & Seman, 2020). Dalam konteks ini, semakin bertambah minat mereka, semakin bertambah kesungguhan untuk menjadi usahawan. Minat ke arah keusahawanan dalam diri pelajar boleh dipengaruhi oleh faktor demografi seperti latar belakang keluarga (Sabri, 2002).

Kajian yang dilakukan oleh Solesvik et. al (2012) mendapati bahawa anak kepada usahawan mempunyai kecenderungan yang lebih untuk menjadi usahawan. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Tan et al. (1995) yang menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai niat ke arah keusahawanan selalunya berasal daripada keluarga yang mempunyai perniagaan sendiri. Selain faktor keluarga, faktor jantina turut menjadi faktor bagi niat keusahawanan. Namun begitu, terdapat perbezaan hasil dapatan dalam kajian-kajian terdahulu. Kajian yang dilakukan oleh Shinnar et. al. (2012) mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan bagi niat keusahawanan. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Yazid dan Seman (2020). Sebaliknya, pelajar lelaki lebih cenderung ke arah keusahawanan berbanding pelajar perempuan dalam kajian yang dilakukan oleh Ishfaq et al. (2011). Perbezaan hasil kajian-kajian ini menunjukkan bahawa perlunya penyelidikan lanjut ke arah ini.

3. Metod Kajian

Objektif umum kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar UKM terhadap kursus akademik keusahawanan. Bahagian ini menerangkan dengan lebih terperinci mengenai metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian. Persepsi pelajar dinilai melalui skor min bagi setiap item persepsi. Kaedah korelasi Spearman's Rho digunakan bertujuan untuk menentukan perkaitan persepsi pelajar terhadap kursus akademik keusahawanan dengan niat keusahawanan dalam diri pelajar. Kaedah ini juga digunakan untuk melihat perkaitan latar belakang keluarga dengan niat keusahawanan. Manakala, kaedah ujian t digunakan untuk melihat perbezaan persepsi terhadap kursus keusahawanan antara pelajar lelaki dan perempuan. Bagi menyempurnakan kajian ini, penyelidik telah memilih kaedah tinjauan sebagai kaedah kajian. Penyelidik memilih kaedah ini kerana bersesuaian dengan kehendak penyelidik yang ingin meninjau persepsi pelajar terhadap kursus akademik keusahawanan di UKM serta perkaitan persepsi pelajar terhadap kursus akademik keusahawanan dan latar belakang keluarga dengan niat keusahawanan dalam diri pelajar.

Tambahan lagi, Oppenheim (1966) menyatakan bahawa kaedah tinjauan merupakan satu bentuk yang boleh digunakan dalam kajian untuk mengumpul data atau maklumat dan sebagai panduan untuk menganalisis hubungan antara pembolehubah-pembolehubah. Kaedah tinjauan juga antara kaedah yang baik digunakan dalam kajian yang bertujuan mencari serta mengumpul maklumat mengenai perasaan, motivasi, perancangan, kepercayaan, personal, pendidikan atau berkenaan sesuatu program terus daripada responden (Fink & Kasecoff, 1985).

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang dibentuk sebagai instrumen untuk mengumpul data daripada responden. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang responden seperti jantina, umur, bangsa, tahun pengajian, fakulti, program pengajian dan latar belakang keluarga responden. Manakala Bahagian B merupakan soalan yang dibentuk berkaitan persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kursus akademik keusahawanan yang diadaptasi daripada kajian yang dilakukan oleh [Othman \(2002\)](#). Dalam soal selidik ini, responden dikehendaki menentukan perasaan mereka terhadap sesuatu situasi secara jujur. Bahagian ini mengandungi 19 item yang merupakan item skala likert 5-mata iaitu 5 (sangat setuju), 4 (setuju), 3 (kurang setuju), 2 (tidak setuju) dan 1 (sangat tidak setuju).

Seterusnya, persepsi responden terhadap pelaksanaan kursus akademik keusahawanan diukur dengan berpandukan kepada jadual interpretasi skor min di dalam [Jadual 1](#) di bawah yang diperoleh daripada [Othman \(2002\)](#). Min yang tinggi menunjukkan bahawa responden mempunyai persepsi yang positif terhadap kursus yang diikuti manakala min yang rendah adalah sebaliknya.

Jadual 1: Jadual interpretasi skor min bagi persepsi responden

Skor min	Interpretasi skor min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Soalan terakhir bagi bahagian ini adalah berkaitan minat ke arah keusahawanan responden iaitu item 20. Penyelidik ingin mengetahui sejauh mana responden berminat menceburi bidang keusahawanan selepas mereka mengikuti kursus akademik tersebut. Melalui soal selidik ini, penyelidik boleh membuat kesimpulan secara ringkas mengenai keberkesanan kursus akademik keusahawanan yang ditawarkan kepada pelajar.

Secara keseluruhannya, dalam kajian ini populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar di UKM. Pelajar-pelajar di UKM dipilih sebagai responden kerana tiada had umur yang ditetapkan di dalam kajian. Responden terdiri daripada golongan pelajar lelaki dan perempuan daripada pelbagai bangsa, program dan fakulti. Di samping itu, UKM menawarkan pelbagai kursus akademik keusahawanan yang boleh diikuti oleh pelajar daripada mana-mana bidang pengajian. Persampelan yang digunakan penyelidik terdiri daripada pelajar yang mengikuti kursus-kursus tersebut. Penyelidik berpendapat bahawa orang yang terlibat secara langsung dalam kursus ini sesuai untuk menilai kursus tersebut.

Menurut [Fedorak \(1992\)](#), sampel terbaik untuk menilai kejayaan sesuatu program pendidikan adalah pelajar atau peserta program itu sendiri kerana direka khas untuk kepentingan mereka. Beliau juga menyatakan bahawa mereka merupakan golongan yang paling hampir dan layak untuk memberi komen terhadap program tersebut dan persepsi mereka boleh diterima. Pemilihan sampel dibuat secara rawak. Hal ini demikian kerana metod pemilihan sampel secara rawak adalah paling baik kerana ia memberi peluang sama rata kepada setiap individu.

Disebabkan oleh faktor pandemik COVID-19, borang soal selidik diedarkan secara dalam talian selepas mendapat maklumat mengenai pelajar. Data yang telah dikumpulkan daripada responden kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences 23.0* (SPSS). Perisian SPSS dapat menganalisis data yang diperoleh dengan lebih mudah dan sistematik. Data yang dianalisis kemudiannya digunakan untuk dijadikan hasil kajian dan perbincangan.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1. Latar Belakang Responden

Kajian ini telah berjaya mengumpul data daripada 115 orang responden yang terdiri daripada pelajar UKM yang mengikuti kursus akademik keusahawanan. Latar belakang demografi responden telah dianalisis menggunakan ujian deskriptif kekerapan dan peratusan. Hasil dapatan kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 2](#) di bawah. Berdasarkan [Jadual 2](#), seramai 82 (28.7%) orang responden adalah pelajar perempuan dan 33 (71.3%) orang adalah pelajar lelaki. Dapatan ini selari dengan statistik yang dikeluarkan oleh Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) yang menyatakan bahawa 80% daripada usahawan yang berdaftar pada tahun 2016 adalah golongan wanita ([Berita Harian, 2017](#)). Dengan kata lain, pelajar perempuan lebih cenderung untuk menceburi bidang keusahawanan berbanding pelajar lelaki.

Tambahan lagi, kebanyakan daripada responden juga adalah berumur lingkungan 19 hingga 21 tahun dengan sebanyak 72 orang (62.6%) di mana mereka merupakan pelajar Tahun 1. Bangsa Melayu mempunyai kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 85 orang (73.9%) berbanding bangsa Cina, India dan lain-lain. Di samping itu, majoriti responden adalah daripada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dengan sebanyak 44 orang (38.3%). Dapatan kajian juga mendapati bahawa majoriti responden adalah bukan berasal daripada keluarga yang menjalankan perniagaan iaitu seramai 95 orang (82.6%) berbanding responden yang berasal daripada keluarga yang menjalankan perniagaan.

Jadual 2: Deskriptif latar belakang responden

Latar Belakang	Frekuensi (n=115)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	33	28.7
Perempuan	82	71.3
Umur		
19-21	72	62.6
22-24	39	33.9
25-27	2	1.7
Lain-lain	2	1.7
Bangsa		
Melayu	85	73.9
Cina	24	20.9
India	4	3.5
Lain-lain	2	1.7
Tahun Pengajian		
Tahun 1	69	60
Tahun 2	20	17.4
Tahun 3	23	20

Tahun 4	3	2.6
Fakulti		
Sains Sosial & Kemanusiaan	11	9.6
Sains Teknologi	18	15.7
Ekonomi & Pengurusan	44	38.3
Pengajian Islam	2	1.7
Sains Kesihatan	25	21.7
Undang-undang	1	0.9
Pendidikan	3	2.6
Teknologi & Sains Maklumat	9	7.8
Pusat Citra Universiti	2	1.7
Adakah anda membesar dalam keluarga perniagaan		
Ya	20	17.4
Tidak	95	82.6

4.2. Persepsi Pelajar Terhadap Kursus Akademik Keusahawanan

Jadual 3 di bawah menunjukkan analisis bagi persepsi pelajar terhadap kursus akademik keusahawanan berdasarkan skor min setiap item. Secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap kursus akademik keusahawanan di UKM adalah berada pada tahap yang tinggi dengan skor min 4.16. Item 9 iaitu “Pensyarah mempunyai interaksi dua hala bersama pelajar” mendapat skor min yang paling tinggi dengan skor min sebanyak 4.43. Perkara ini menunjukkan bahawa pelajar lebih menyukai pensyarah yang mempunyai kemahiran komunikasi dua hala dengan pelajar berbanding komunikasi sehala. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti responden sangat setuju bagi pernyataan ini. Tambahan lagi, pembelajaran yang interaktif dapat menarik minat dan tumpuan pelajar (Nazruddin, Samsudin & Hisam, 2022).

Namun begitu, terdapat 2 item yang berada pada tahap sederhana tinggi iaitu item 15 dan item 18. Item 15 mendapat skor min 3.34. Walaupun seramai 39 orang (33.9%) sangat setuju dengan pernyataan ini, namun seramai 18 orang (15.7%) sangat tidak setuju bahawa topik-topik yang disampaikan dalam kursus dapat diaplikasikan dalam perniagaan. Hal ini mungkin kerana pada pendapat mereka, topik yang disampaikan tidak sesuai dengan perniagaan yang dijalankan. Begitu juga dengan item 18 yang berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min paling rendah iaitu 3.30. Walaupun terdapat 33 orang (28.7%) sangat setuju dan 25 orang (21.7%) setuju dengan pernyataan ini, namun seramai 23 orang (20%) kurang setuju, 12 orang (10.4%) tidak setuju dan 22 orang (19.1%) sangat tidak setuju.

Perkara ini menjelaskan bahawa masih terdapat ruang dalam kandungan kursus yang perlu dikaji bagi memastikan topik yang disampaikan sentiasa relevan pada masa kini. Dapatan ini disokong oleh Mohar Yusof et al. (2009) yang menyatakan bahawa perlunya pelbagai elemen yang perlu dikaji dalam kursus keusahawanan supaya dapat menarik minat pelajar ke arah keusahawanan. Menurut Mohar Yusof et al. (2009) lagi, proses pembelajaran yang betul memberi pengaruh yang positif kepada pelajar ke arah keusahawanan. Kefahaman yang salah boleh memberi kesan kepada pelajar di mana pelajar tidak dapat menjiwai ciri-ciri usahawan yang sebenarnya (Zaidatol & Habibah, 1997).

Jadual 3: Persepsi Pelajar Terhadap Kursus Akademik Keusahawanan

Bil	Item	Skor min	Interpretasi
1	Pernyataan objektif dan hasil pembelajaran kursus yang jelas.	4.39	Tinggi
2	Senarai topik yang menepati keperluan objektif.	4.37	Tinggi
3	Pendedahan kursus yang efektif melalui pelaksanaan aktiviti praktikal (<i>hands on</i>) dan perkongsian daripada usahawan.	4.20	Tinggi
4	Jadual kursus yang sesuai dan merangkumi kesemua modul.	4.18	Tinggi
5	Tempoh masa yang diperuntukan untuk kursus adalah sesuai.	4.15	Tinggi
6	Peruntukan masa kursus sesuai dan mencukupi untuk setiap modul.	4.23	Tinggi
7	Penyampaian pensyarah/pengajar yang menarik dan berkesan meningkatkan kefahaman terhadap modul yang diajar.	4.32	Tinggi
8	Penggunaan alat bantu mengajar yang berkesan.	4.18	Tinggi
9	Pensyarah mempunyai interaksi dua hala bersama pelajar.	4.43	Tinggi
10	Kaedah pembelajaran membantu untuk meningkatkan daya pemikiran kreatif dan inovatif.	4.25	Tinggi
11	Kursus keusahawanan memberi kesedaran tentang kepentingan bekerja sendiri sebagai pilihan kerjaya.	4.37	Tinggi
12	Kursus ini membantu mengasah kemahiran profesionalisme sebagai nilai tambah dalam pilihan kerjaya.	4.34	Tinggi
13	Kursus ini mendorong saya meneroka peluang-peluang perniagaan.	4.19	Tinggi
14	Saya dapat menyediakan rancangan perniagaan yang memenuhi kehendak industri.	4.05	Tinggi
15	Topik-topik yang disampaikan dalam kursus dapat diaplikasikan dalam perniagaan.	3.34	Sederhana tinggi
16	Perkongsian daripada alumni/usahawan yang menjalankan perniagaan banyak membantu saya memahami dunia perniagaan	4.23	Tinggi
17	Aktiviti jualan secara praktikal memberi pengalaman sebenar dunia perniagaan dan melatih komunikasi diri dalam perniagaan.	4.30	Tinggi
18	Pengajaran kuliah keusahawanan menarik minat saya mempelajari ilmu keusahawanan.	3.30	Sederhana tinggi
19	Kursus ini diadakan di platform/ruang yang kondusif untuk pembelajaran.	4.14	Tinggi
Min Keseluruhan		4.16	Tinggi

4.3. Hubungan antara Persepsi Pelajar Terhadap Kursus Akademik Keusahawanan dengan Minat ke arah Keusahawanan

Kajian ini juga mengkaji tentang hubungan antara persepsi pelajar terhadap kursus keusahawanan dengan minat ke arah keusahawanan dalam diri pelajar dengan menggunakan kaedah korelasi Spearman Rho iaitu ujian bukan parametrik. Hasil analisis telah ditunjukkan dalam [Jadual 4](#) di bawah. Berdasarkan [Jadual 4](#), keputusan korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara persepsi pelajar

terhadap kursus keusahawanan dengan minat ke arah keusahawanan dengan nilai korelasi ($r = 0.310$, $p < 0.01$).

Keputusan ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap kursus akademik keusahawanan dapat mempengaruhi minat mereka ke arah keusahawanan seterusnya menjadi seorang usahawan. Perkara ini juga dapat dilihat melalui peratusan pelajar yang berminat menceburi bidang keusahawanan secara mendalam adalah 44.3% berbanding pelajar yang tidak pernah terfikir iaitu 7%. Walaupun terdapat pelajar yang menyatakan bahawa mereka tidak berminat, namun mereka masih terfikir untuk menceburi bidang keusahawanan secara mendalam. Jelas terbukti bahawa persepsi pelajar terhadap kursus akademik keusahawanan boleh mempengaruhi minat mereka.

Jadual 4: Hubungan antara Persepsi Terhadap Kursus Akademik Keusahawanan Dengan Minat ke arah Keusahawanan

Pemboleh ubah	Persepsi Terhadap Kursus Akademik Keusahawanan	
	r	p
Niat Keusahawanan	-0.310	0.001

*Nota: $p \leq 0.01$

4.4. Hubungan antara Latar Belakang Keluarga dengan Minat ke arah Keusahawanan

Selain itu, hubungan antara latar belakang keluarga dengan minat ke arah keusahawanan juga dikaji dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah korelasi Spearman Rho. Berdasarkan hasil analisis seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 5](#) di bawah, terdapat hubungan signifikan positif antara latar belakang keluarga dengan minat ke arah keusahawanan dalam diri pelajar ($r = 0.247$, $p < 0.01$). Dengan kata lain, pelajar yang berasal daripada keluarga yang menjalankan perniagaan lebih cenderung ke arah keusahawanan dan mempengaruhi niat mereka untuk menjadi usahawan.

Jadual 5: Hubungan antara Latar Belakang Keluarga Dengan Minat ke arah Keusahawanan

Pemboleh ubah	Latar Belakang Keluarga	
	r	p
Niat Keusahawanan	0.247	0.008

*Nota: $p \leq 0.01$

Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh [Solesvik et al. \(2012\)](#) yang menyatakan bahawa anak kepada usahawan mempunyai kecenderungan lebih untuk menjadi usahawan. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh [Tan et al. \(1995\)](#) yang mendapati bahawa pelajar yang mempunyai minat ke arah keusahawanan kebanyakannya berasal daripada keluarga yang mempunyai perniagaan sendiri. Pendedahan sejak kecil mengenai keusahawanan daripada ibu bapa mereka turut mempengaruhi fikiran mereka ([Yazid & Seman, 2020](#)). Dapatan-dapatan kajian ini membuktikan bahawa latar belakang keluarga boleh mempengaruhi minat mereka untuk menceburi bidang ini dan seterusnya menjadi seorang usahawan.

4.5. Perbezaan Minat ke arah Keusahawanan Dalam Diri Pelajar Berdasarkan Jantina

Berikutnya, ujian Mann-Whitney U digunakan dalam kajian untuk melihat perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan bagi niat keusahawanan dalam diri mereka. Hasil ujian analisis seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 6](#) di bawah mendapati tiada perbezaan signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan bagi mempengaruhi niat keusahawanan ($U=1350.000$, $z = -0.021$, $p = 0.0983$). Hasil ujian ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh [Yazid dan Seman \(2020\)](#) di mana mereka juga mendapati bahawa tiada perbezaan antara faktor jantina dalam mempengaruhi niat keusahawanan.

Jadual 6: Perbezaan Niat Keusahawanan Berdasarkan Jantina

	Niat Keusahawanan
Mann-Whitney U	1350.000
Wilcoxon W	4753.000
Z	-0.021
Asymp. Sig. (2-tailed)	0.983

5. Kesimpulan

Secara amnya, kajian ini merupakan satu kajian awal untuk mengenal pasti persepsi pelajar UKM terhadap kursus akademik keusahawanan. Hasil yang diperoleh daripada analisis kajian mendapati persepsi pelajar terhadap kursus akademik berada pada tahap yang tinggi dengan skor min 4.16. Tambahan lagi, persepsi mereka terhadap kursus tersebut mempengaruhi minat ke arah keusahawanan dalam diri pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis korelasi Spearman Rho menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara persepsi dengan minat ke arah keusahawanan. Selain itu, latar belakang keluarga yang terlibat dalam bidang keusahawanan turut mempengaruhi niat keusahawanan apabila analisis menunjukkan terdapat hubungan signifikan positif antara latar belakang keluarga dengan minat ke arah keusahawanan dalam diri pelajar. Namun begitu, tiada perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan bagi minat ke arah keusahawanan.

Melalui dapatan ini, jelas menunjukkan bahawa kursus akademik keusahawanan yang didedahkan kepada pelajar memberi kesan kepada mereka untuk terus menceburi bidang keusahawanan. Oleh yang demikian, kurikulum serta pedagogi pendidikan keusahawanan sangat memainkan peranan penting dalam meningkatkan minat keusahawanan dalam diri pelajar selain menyertai program keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak universiti. Di samping itu, untuk memastikan perkara ini konsisten pada masa hadapan, pihak bertanggungjawab perlu sentiasa mengkaji silibus dan struktur kandungan dalam kursus supaya sentiasa relevan pada masa kini. Tambahan lagi, banyak aspek yang perlu dilihat semula terutamanya selepas pandemik COVID-19 yang melanda negara. Setiap pihak seharusnya memainkan peranan yang penting dalam memberi pendedahan dan galakan kepada pelajar mengenai keusahawanan terutamanya orang yang paling rapat dengan mereka.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik dalam kajian ini menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan UKM. Kajian ini turut mendapat kebenaran dan persetujuan daripada semua peserta kajian iaitu pelajar prasiswazah UKM.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Ribuan terima kasih kepada semua responden yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada kakitangan UKM-CESMED dan ahli penyelidik yang turut membantu bagi melicinkan pelaksanaan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini telah dibiayai menggunakan Geran Galakan Pengurusan & Pengurusan (GGPP-2020-010).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abu Bakar, N., & Sidek, R. Zamuddin Shah. (2010). Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Tahun Akhir Terhadap Bidang Keusahawanan Di UTM. *Journal of Science Mathematics Education*, pp. 1–10.
- Amran, N., & Seman, N. A. A. (2021). Hubungan antara Faktor Sokongan Pendidikan dan Minat Pelajar dalam Bidang Keusahawanan. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1499-1508.
- Berita Harian (2017). Usahawan wanita kuasai perniagaan. *Berita Harian*. Di akses daripada <http://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2017/12/364356/usahawan-wanita-kuasai-perniagaan>
- Aziz, N. E. M., Harun, N., Esa, M. M., Yaacob, M. R., & Rahman, A. A. A. (2018). Pendidikan keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam melahirkan usahawan berjaya di Malaysia. *Journal of Business Innovation*, 3(1), 73.
- Din, B. H., Anuar, A. R., & Usman, M. (2016). The effectiveness of the entrepreneurship education program in upgrading entrepreneurial skills among public university students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 224, 117-123.
- Chum, U. P., Norasmah Othman & Jamil Ahmad, (2010). Penilaian Program Perintis Usahawan (Ppu) Di Sekolah Rendah. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM*.
- Consortium for Entrepreneurship Education (2008). *Entrepreneurship Everywhere: The Case for Entrepreneurship Education*. Columbia, USA.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan (Edisi keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Di akses daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=usahawan>
- Fedorak, A (1992). *Work Education – A Student Perspectives*. Disertasi Master of Education University of Saskatchewan. Diakses daripada <http://capunbca/ccweac/educator>
- Fink, A & Kasecoff, J (1985) *How to conduct Survey. A Step by Step Guide*. London SAGE Publication
- Haron, Z. & Idris, A. A. (2010). Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. 1-7.
- Hisrich, R.D., Peters, M.P & Shephard D.A. (2008). *Entrepreneurship (International Edition)*. Singapore: The McGraw-Hill Education Asia.
- Ibrahim, M., Wan Mohd Zaifurin, W. N., Hayati, N., & Sabri, A. (2016). Entrepreneurship's Intention of Secondary School Student in Kuala Terengganu District, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Sosial Sciences*, 6(2), 110-122
- Ishfaq Ahmed, Muhammad Aamir and Hafiza Arooj Ijaz. (2011). External factors and entrepreneurial career intentions; moderating role of personality traits. *International Journal of Academic Research*, 3(5), 262-267
- Judeh, M. A., & Rahim, S. E. (2006). *Penerapan Nilai-nilai Keusahawanan Melalui Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Kiyani, S. A. (2017). Role of entrepreneurship education on student attitudes. *Abasyn Journal of Social Sciences*, 10(2), 270-293.
- Lame, S.M. & Yusoff, W.F.W. (2013). The perception of students towards entrepreneurship courses: an empirical study of Nigerian Polytechnics students. *In 2nd International Conference on Technology Management, Business and Entrepreneurship, Mahkota Hotel Melaka, Malaysia*, 227-240.
- Li, J. (2011, August). An introduction of teaching model for entrepreneurship education. *In 2011 International Conference on Management and Service Science* (pp. 1-4). IEEE.
- Linan, F., Rodriguez-Cohard, J. C., & Rueda-Cantuche, J. M. (2011). Factors affecting entrepreneurial intention levels: a role for education. *International Journal*, 7(2), pp. 195-218
- Mohar Yusof, Leilanie Mohd Nor, Ainon Jauhariah Abu Samah & Rahayu Tasnim (2009). Proses pembelajaran dan Hubungannya dengan Keputusan Kerjaya Pelajar untuk Menjadi Usahawan: Kajian Ke Atas Pelajar-Pelajar Bachelar dan Diploma di Universiti Tun Abdul Razak. *Seminar Kebangsaan Hasil Penyelidikan Pembangunan Keusahawanan*.
- Nazruddin, N. S., Samsudin, N., & Hisam, N. S. A. M. (2022). Keberkesanan Pembelajaran Interaktif Secara Dalam Talian Menggunakan Resque: Satu Kajian Terhadap Kursus Statistik. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(1), 36-43.
- Oppenheim, A. N. (1966). *Questionnaire Design and Attitude Measurement*. London Heinemann.
- Othman, N. (2002). Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah. *Unpublished Ph. D. Thesis. Serdang, Selangor DE: UPM [Universiti Putra Malaysia]*.
- Othman, N., & Misman, S. S. (2015). Persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar 4SPH dalam bidang keusahawanan. *Fakulti Pendidikan, UTM*, 1-9.

- Pittaway, L., & Cope, J. (2007). Entrepreneurship education: A systematic review of the evidence. *International Small Business Journal*, 25(5), 479-510.
- Sabri, H. (2002). *Pengenalan kepada perniagaan: mengurus perniagaan dalam perspektif Malaysia*. Singapore: Thomson Learning
- Shinnar, R. S., Giacomini, O., & Janssen, F. (2012). Entrepreneurial perceptions and intentions: The role of gender and culture. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 36(3), 465-493.
- Solesvik, M. Z., Westhead, P., Kolvereid, L., & Matlay, H. (2012). Student intentions to become self-employed: the Ukrainian context. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 19(3), 441-460.
- Souitaris, V., Zerbinati, S., & Al-Laham, A. (2007). Do entrepreneurship programmes raise entrepreneurial intention of science and engineering students? The effect of learning, inspiration and resources. *Journal of Business Venturing*, 22(4), 566-591.
- Tan, W. L., Siew, L. K., Tan, W. H., & Wong, S. C. (1995). Entrepreneurial spirit among tertiary students in Singapore. *Journal of Enterprising Culture*, 3(02), 211-227.
- Zaidatol Akmaliah, L.P., & Habibah, E. (1997). *Keusahawanan dan Motivasi diri*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Yazid, N. N., & Seman, N. A. A. (2020). Hubungan antara Faktor Demografi dan Kecenderungan Keusahawanan di Kalangan Pelajar UTHM. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 999-1012.